

## Tafsiran dan Status Asnaf Fisabilillah dalam Pengagihan Zakat *Interpretation and Status of Fisabilillah Asnaf in the Distribution of Zakah*

Open  
Access

Rabi'atul Solehah<sup>1</sup>, Nurul Ilyana Muhd Adnan<sup>2,\*</sup>

<sup>1</sup> Department of Human Development and Family Studies, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received 6 May 2018

Received in revised form 27 June 2018

Accepted 30 June 2018

Available online 3 July 2018

### ABSTRACT

Zakat antara isu sering menjadi perhatian ramai. Masyarakat konvensional sering mempersoalkan mengenai agihan zakat kepada asnaf. Dengan itu, terdapat segelintir masyarakat yang tidak puas hati terhadap agihan zakat yang dibuat oleh institusi zakat. Justeru itu, artikel ini membincangkan tentang tafsiran dan status asnaf fisabilillah dalam penerimaan dana zakat. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada aplikasi dan kesesuaian pengagihan dana zakat serta penentuan asnaf fisabilillah mengikut keperluan semasa serta menepati syariatNya. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data secara dokumentasi dan kajian perpustakaan. Dalam menganalisis, kajian ini menggunakan kaedah pendekatan deskriptif. Data yang telah dikumpul kemudiannya dianalisis dan diperjelaskan. Selain itu, pendekatan deskriptif juga untuk melihat amalan pengagihan zakat kepada asnaf fisabilillah di Malaysia. Hasil kajian mendapati, dari sudut penerimaan fisabilillah sebagai asnaf zakat, ia telah disepakati semua ulama tetapi dari sudut tafsiran ulama dahulu dan kontemporari mereka berbeza pendapat. Penentuan sesuatu asnaf itu bergantung kepada tafsiran yang dibuat. Diharapkan kajian dapat memberi manfaat kepada pihak Majlis Agama Islam setiap negeri dan masyarakat Islam.

*Zakat is one of the most frequent issues of concern. Conventional people often question about the distribution of zakat to asnaf. Consequently, there is a handful of dissatisfaction about the distribution of zakat made by zakat institutions. Therefore, this article discusses the interpretation and status of asnaf fisabilillah in the acceptance of zakat funds. The study also focuses on the application and appropriateness of the distribution of zakat funds as well as the determination of asnaf fisabilillah according to the current needs and conforming to the Shari'a (Islamic law). This study uses qualitative approach which involves data collection methods such as documentation and library research. In analyzing the data, this study uses descriptive approach. The collected data is then analyzed and elucidated. In addition, a descriptive approach is also used to see the practice of zakat distribution to asnaf fisabilillah in Malaysia. The findings showed that, from the perspective of fisabilillah as the asnaf zakat, it has been agreed upon by all scholars; but from the point of view of the former and contemporary ulama, they differed in opinion. The determination of asnaf depends on the interpretation. It is hoped that this study will benefit the Islamic Religious Council of every state specifically and Muslim community in general.*

\* Corresponding author.

E-mail address: [ilyana\\_adnan@ukm.edu.my](mailto:ilyana_adnan@ukm.edu.my) (Nurul Ilyana Muhd Adnan)

**Keywords:**

Zakat, asnaf, *fisabilillah*, asnaf,  
pengagihan, ummah, kutipan zakat  
*Zakah, fisabilillah asnaf, beneficiaries*  
*distribution, community, zakat collection*

Copyright © 2018 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

## 1. Pengenalan

Zakat merupakan rukun yang ketiga dalam rukun Islam yang wajib dilaksanakan. Meninggalkan perintah zakat bukan sahaja mencacatkan agama dan akhlak malah turut mencalarakan aqidah. Zakat ialah ibadah yang berbentuk harta yang menjadi sumber ekonomi dalam sesebuah negara Islam. Pensyariatan dan pelaksanaan zakat adalah satu cara perkongsian harta bagi memupuk saling mambantu sesama orang islam. Dengan itu, zakat dapat melahirkan orang Islam yang mempedulikan terhadap sosial kemasyarakatan dalam bentuk ibadat. Ia memainkan peranan penting dalam kehidupan ummat Islam. Di samping itu, zakat dapat membersihkan hati dan harta manusia.

Perlaksanaan pengagihan zakat kepada asnaf adalah di bawah tanggungjawab amil di institusi zakat. Akan tetapi, amanah dalam mengurus zakat sewajarnya tidak harus dibebankan ke atas bahu amil sahaja. Amil sentiasa diawasi oleh pihak atasan menerusi pelbagai mekanisme seperti diaudit oleh pelbagai badan audit. Sesuatu agihan zakat itu bergantung kepada tafsiran yang dibuat oleh pihak tertentu. Dengan itu, tafsiran setiap asnaf adalah sangat penting agar natijah dari agihan itu efektif serta selari dengan apa yang diperintah oleh Allah. Banyak kajian yang telah dilakukan yang menumpukan kepada tafsiran asnaf terutamanya golongan asnaf *fisabilillah* dari segi pendapat ulama-ulama dahulu dan kontemporari.

## 2. Kajian Lepas

### 2.1 Konsep *Fisabilillah*

Menurut kajian Mohd Zulkifli [20], *fisabilillah* dari sudut bahasa mempunyai tiga gabungan perkataan iaitu *fi* bermaksud di atau pada, *sabil* bermaksud jalan atau dalam bahasa arab ialah *tariq* dan Allah. Manakala *fisabilillah* pula bermaksud jalan Allah iaitu jalan petunjuk [14]. Dari segi istilahnya pula terdapat pelbagai interpretasi, ada yang bersifat khusus dan ada yang bersifat umum. Para fuqaha' turut membahaskan mengenai istilah *fisabilillah* berdasarkan hujah-hujah dan pandangan mereka. Menurut Yusof al-Qardawi [30], perkataan *sabil* disebut secara mutlak yang bermaksud jihad iaitu berperang menentang musuh-musuh iaitu orang kafir. *Sabilillah* pula bermaksud semua perkara yang mendekatkan diri kepada Allah samaada berbentuk individu atau organisasi.

Firman Allah SWT: "Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang kafir, orang-orang miskin, amil-amil atau pengurusan-pengurusan zakat, para mualaf yang dijinakkan hatinya untuk memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang, untuk dibelanjakan kepada jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai ketetapan yang datangnya dari Allah SWT. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana". (al-Taubah: 9: 60)[1].

Ayat di atas menerangkan terdapat lapan asnaf atau golongan manusia yang berhak menerima zakat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Lapan asnaf itu ialah orang fakir, orang miskin, *amil* yang mengurus zakat, mualaf yang dijinakkan hatinya, *al-riqab* hamba-hamba, *al-gharimin* orang yang memiliki hutang, *fisabilillah* orang yang menegakkan agama Allah, dan *ibn sabil* orang yang

musafir atau dalam perjalanan [10]. Berdasarkan tafsiran ayat al-Quran di atas, asnaf *fisabilillah* adalah asnaf yang ketujuh yang layak menerima dana zakat.

Dari segi penentuan asnaf lapan, ia telah disepakati oleh semua ulama tetapi dari sudut mentafsir dan menentukan sesuatu asnaf, kebanyakan ulama berbeza pendapat terutamanya asnaf *fisabilillah*. Setiap mereka mempunyai cara tersendiri dalam mentafsirkan asnaf-asnaf ini [8]. Di samping itu, memahami nas al-Quran dan Hadis merupakan salah satu faktor dalam menentukan tafsiran asnaf. Pentafsiran sesuatu asnaf adalah penting dan amat diperlukan agar pengagihan zakat yang dilakukan menepati syariat Islam serta tidak menyimpang dari tujuan pensyariatannya [20].

## 2.2 Pentafsiran Asnaf Fisabilillah Menurut Ulama Dahulu

Terdapat banyak kajian yang menyentuh dan menghuraikan mengenai tafsiran asnaf *fisabilillah* antara ulama dahulu seperti empat mazhab, ulama-ulama tafsir. Antaranya kajian Mohd Zulkifli [20], Mohamad Nafis Berhan [17,12,25] Hairullfazli Mohammad Som, Azman Ab Rahman, Syed Mohd Najib & Siti Zulaikha Mokhtar [10] Azman Ab Rahman, Syed Mohd Najib, Hairullfazli [5,6,8] Sukiati [28] dan Dato' Haji Nooh Bin Gadot [7].

Secara umumnya, pentafsiran *fisabilillah* menurut empat mazhab atau jumur ulama ialah dengan menghadkan skop *fisabilillah* kepada makna jihad dan perkara yang berkaitan dengannya. Manakala pentafsiran secara terperinci, setiap mazhab mempunyai tafsiran sendiri. Hal ini disebabkan perbezaan pendapat dalam memahami maksud *fi* dan *lil* yang terkandung di dalam ayat *mustahiq* zakat iaitu golongan yang layak menerima zakat.

Bagi Mazhab Hanafi iaitu Imam Abu Yusuf menyatakan *fisabilillah* bermaksud orang fakir yang berperang secara sukarelawan yang terputus dan kehabisan bekalannya [15]. Menurut Mohd Zulkifli [20] dan Kautsar [15], sukarelawan yang terputus bekalan itu bermaksud mereka yang tidak mampu untuk bergabung dengan tentera Islam kerana kefakiran mereka serta kenderaan yang rosak, haiwan tunggangan dan bekalan sudah tiada.

Menurut Hailani Muji [25], satu riwayat dari kitab *al-Fatawa al-zahiriyyah* yang ditulis oleh ulama Mazhab Hanafi menyatakan tafsiran kalimah *fisabilillah* bermaksud penuntut ilmu walaupun kaya, dia tetap berhak mendapat zakat tetapi tafsiran itu mendapat tentangan dari kebanyakan ulama. Ini kerana, tiada golongan yang di sebut sebagai penuntut ilmu dengan sahabat-sahabat Rasulullah ketika ayat ini diturunkan [30].

Manakala Muhammad dari Mazhab Hanafi pula menyatakan *fisabilillah* ialah orang fakir yang mengerjakan haji dan terputus menyempurnakannya [6,15]. Pendapat beliau ini berdasarkan kepada satu riwayat yang mengesahkan seseorang telah menyerahkan untanya untuk diberi atas keperluan *fisabilillah* dan orang itu telah diperintahkan oleh Nabi Muhammad untuk diberikan unta kepada jemaah haji [8,5]. Di samping itu, Mazhab Hanafi bagi kedua-dua pendapat ini telah mensyaratkan miskin atau fakir bagi setiap penerima zakat *fisabilillah* serta pemberian zakat hanya kepada pemilikan peribadi [25,6,15].

Bagi Mazhab Maliki pula, *fisabilillah* bermaksud tentera Islam yang pergi berperang. Pejuang Islam yang berperang menentang orang kafir. Muhammad Bin Abdul Hakim iaitu ulama Mazhab Maliki berpendapat zakat boleh dikeluarkan untuk penyediaan kelengkapan perang atau kepentingan perang seperti membuat baju perang, senjata, dan sebagainya [8,15,6]. Ini berdasarkan perbuatan Nabi Muhammad pernah mengeluarkan zakat dengan seratus ekor unta bagi meredakan api pihak lawan dalam peperangan Sahl Bin Abi Hasma [20].

Di samping itu, zakat atas nama *fisabilillah* bagi Mazhab Maliki boleh diberikan tanpa mengira orang miskin atau orang kaya. Malah ada juga pendapat lain mengatakan boleh diberikan zakat

kepada orang kafir yang ditugaskan untuk mengintip dan memberitahu tentang musuh Islam kepada tentera Islam tetapi tidak boleh disalurkan pada pembinaan benteng di sekeliling negeri itu [25,6]. Selain itu, mazhab ini tidak mengkhususkan pemberian zakat dalam bentuk pemilikan peribadi atau sebaliknya sepertimana Mazhab Hanafi yang hanya memberi dalam bentuk pemilikan peribadi. (15)

Mazhab Syafie menyatakan *fisabilillah* ialah orang yang berperang secara sukarela yang tidak mendapat gaji daripada kerajaan atau pemerintah yang telah dinyatakan oleh Imam Nawawi dalam kitabnya *Minhāj* [25]. Beliau juga berpendapat tentera di jalan Allah ini harus disediakan bekalan dan pakaian ketika di medan perang serta ketika dia pergi dan balik walaupun tempohnya lama [25]. Imam Nawawi (t.th) menambahkan bahawa haruslah dibiayai kehidupan mujahid ini serta keluarganya ketika ditinggal untuk berperang [15].

Imam Sayfie juga berpendapat harus diberikan kepada *sabilillah* iaitu semua perkara yang menuju kepada kebaikan termasuk mengkafankan mayat dan orang yang pergi berperang sama ada kaya atau miskin serta orang menghalang orang musyrikin. Pendapat ini disokong oleh Ibn Hajar al-Haitani dan Imam Nawawi [30,15].

Begitu juga Ibn Hajar (t.th) menyatakan *fisabilillah* orang yang pergi berperang dengan sukarela serta dalam keadaan sihat dan kuat dan apabila disebaliknya kembali kepada pekerjaan yang lama. Ibn Hajar juga mengatakan *fisabilillah* ialah jalan mendekatkan diri kepada Allah. Dengan itu, orang yang pergi berperang ini semata-mata adalah untuk mendapat keredhaan Allah S.W.T bukan untuk mendapat ganjaran dan habuan dari kerajaan atau pemerintah [25].

Di samping itu, dalam mazhab ini juga mensyaratnya orang yang berhak menerima zakat itu mesti berada dalam negeri yang mengerluarkan harta sedekah atau zakat, sekalipun dia fakir atau kaya-raya [20,25,8,6].

Mazhab Hanbali berpendapat *fisabilillah* ialah orang yang berperang pada jalan Allah yang tidak mempunyai wang yang mencukupi serta tidak mendapat gaji tetap daripada pemerintah sepertimana pendapat Mazhab Syafie [15,6]. Selain itu, ada juga berpendapat Jemaah haji dikira sebagai *sabilillah* [15]. Di samping itu juga, mazhab ini tidak mensyaratkan miskin malah orang kaya juga diberikan zakat di bawah nama *fisabilillah* [25,8]. Walaupun bagaimanapun, zakat yang tidak digunakan untuk keperluan berperang haruslah dipulang kembali [25].

Selain itu, zakat dibolehkan bagi pemerintah untuk membeli peralatan perang seperti kuda, alat-alat perang dan sebagainya untuk digunakan dalam peperangan walaupun orang yang berperang itu sendiri mengeluarkan zakat [25].

Secara rumusnya, Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki mempunyai pandangan yang sama dalam mentafsir asnaf *fisabilillah*. Manakala, Mazhab Syafie sama pandangan dengan Mazhab Maliki. Ini bermakna Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki berbeza pandangan dengan Mazhab Syafie dan Maliki dalam mentafsirkan asnaf *fisabilillah*.

Akan tetapi keempat-empat mazhab ini bersepakat pada beberapa perkara terhadap tafsiran *fisabilillah*. Pertama, orang yang pergi berjihad termasuk di bawah asnaf *fisabilillah*. Ini berdasarkan kepada sabda Rasulullah yang bermaksud Barangsiapa yang pergi berjuang, berperang dan berjihad untuk memastikan kaliamat Allah itu di tempat, maka itulah yang dimaksudkan *fisabilillah* (*muttafaq'alaihi*). Kedua, agihan zakat harus diberikan kepada pejuang Islam. Namun mereka berbeza pendapat dari sudut hukum membeli peralatan berperang. Ketiga, agihan zakat tidak harus diberikan pada perkara-perkara yang berbentuk kebajikan dan maslahat umum seperti mendirikan sekolah, masjid, membina kubu, tembok, memperbaiki jalan, mengkhafankan jenazah dan sebagainya. Sebaliknya perkara yang berbentuk kebajikan dan maslahat umum itu ditanggung di bawah baitulmal seperti *kharaj*, *al-fai* dan selainnya [8,15,31,6].

Berdasarkan kepada interpretasi ulama empat mazhab, ia tidak lagi relevan dengan peredaran zaman sekarang khususnya di Malaysia. Kini, orang Islam khususnya di Malaysia hidup dalam aman dan damai, tidak lagi berperang secara fizikal, melawan musuh malah berperang dari sudut pemikiran dan ideologi dari pelbagai sudut samada dalaman atau luaran. Berhubung dengan hal ini, tidak semua peperangan yang dikategori sabilillah seperti peperangan yang membela kesukuan atau membela kedudukan iaitu selain dari membela agama Islam.

### 2.3 Pentafsiran Asnaf Fisabilillah Menurut Ulama Kontemporari

Ulama kontemporari ialah ulama-ulama yang jauh dari zaman *tabi'it-tabi'in* dan zaman mereka dekat dengan kita [15]. Pandangan ulama-ulama kontemporari sangat perlu berkenaan dengan keperluan fiqh semasa untuk menangani isu-isu semasa seperti tafsiran *fisabilillah*. Ini kerana pandangan ulama-ulama ini berpandukan dengan keadaan semasa atau sekarang.

Ahmad Mustafa al-Maraghi (1987) iaitu seorang pengarang kitab tafsir yang terkenal di Mesir. Menurut pendapat beliau *sabilillah* bermaksud perkara-perkara yang berbentuk kemaslahatan umat Islam kerana untuk menegakkan Islam dan negara bukan untuk urusan individu seperti mengerjakan haji. Ini kerana haji diwajibkan kepada orang yang berkemampuan sahaja. Bagi beliau, mendirikan sekolah-sekolah, menegakkan Islam dengan lidah dan tulisan adalah termasuk di bawah *sabilillah* [15]. Syed Qutb Ibrahim Husain Syadzili pula berpendapat *fisabilillah* boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan jihad, membina masjid, sekolah dan seumpamanya [25].

Menurut Muhammad Rasyid Bin Ali Ridha (1953) yang dikenali dengan Rasyid Ridha berpendapat *sabilillah* ialah semua perkara yang berkaitan dengan kemaslahatan umat bagi menegakkan syiar Islam dan pemerintahan serta mencapai keredhaan dan ganjaran dari Allah. Dengan itu, asnaf *fisabilillah* bukan untuk kepentingan peribadi seperti untuk jemaah haji. Ibadah haji bukanlah kemaslahatan bersama kerana ibadat wajib bagi orang yang mampu dan memenuhi syarat-syarat tertentu. Bagi beliau, perkara yang paling utama ialah persiapan dalam peperangan seperti membeli alat senjata.

Manakala menurut *Sheikh Mahmud Shaltut* ulama Mesir berpendapat bahawa beliau tidak menjumpai makna sabilillah melainkan perkara-perkara yang berbentuk kebajikan secara umum [25] [15]. Al-Shaykh Muhammad Shaltut dan Dr Muhammad Abdul Qadir Abu Faris antara ulama yang menyokong pendapat Rasyid Ridha iaitu *fisabilillah* sebagai *al-masalih al-'ammah* yang bermaksud pengagihan zakat tidak terhad kepada individu sahaja malah untuk kepentingan umum [25,15].

Dr. Yusuf Qardawi antara ulama kontempori yang popular dalam menangani masalah fiqh semasa. Menurut beliau, *sabilillah* bermaksud jihad pada jalan Allah untuk mencapai keredhaan Allah. Jihad dalam konteks sekarang adalah aktiviti-aktiviti yang berbentuk pembelaan agama Islam serta perkara yang memartabatkan syiar dan keagungan Islam [7]. Di samping itu, beliau memperluaskan maksud *fisabilillah* mengikut urf sekarang iaitu perbuatan yang memberi mafaakat pada umat Islam seperti mendirikan sekolah, masjid dan selainnya [15].

Secara kesimpulan, dari sudut definasi *fisabilillah* ulama kontemporari berpendapat kata sabilillah membawa maksud umum iaitu semua perkara menuju kearah jalan keredhaan Allah. Dengan demikian, ia meliputi semua perbuatan dan kebaikan yang dapat mendekatkan diri kepada Allah. Selain itu, perkara-perkara yang berbentuk kemaslahatan umat islam yang mana ia menjadi hal ehwal agama dan kerajaan, bukan untuk kepentingan peribadi seperti membina masjid, hospital, memperbaiki jalan dan sebagainya.

Secara rumusnya, ulama-ulama kontemporari memberikan pendapat mengenai tafsiran asnaf *fisabilillah* dengan satu tafsiran yang lebih luas dan mendalam berbeza dengan ulama dahulu yang menghadkan kepada berperang di jalan Allah iaitu dengan melawan musuh di medan perang. Berdasarkan pendapat ulama-ulama dahulu dan kontemporari, tafsiran *fisabilillah* dan skop ini terbahagi dua golongan. Golongan pertama menghad maksud *fisabilillah* kepada jihad, berperang di jalan Allah sahaja. Pendapat ini merupakan pendapat *jumhur ulama* [10].

Manakala golongan kedua tidak mengkhususkan kepada berperang pada jalan Allah SWT sahaja. Ia juga terbahagi kepada empat bahagian. Pertama, kumpulan yang meluaskan maksud *fisabilillah* kepada aktiviti-aktiviti atau program yang berkaitan dengan kebajikan, kebaikan dan perbuatan yang bertujuan mendekati diri kepada Allah SWT. Kumpulan kedua pula, menafsirkan perkara-perkara yang meliputi bagi kepentingan umum. Kumpulan ketiga, mereka yang menafsirkan kepada tentera-tentera dalam peperangan, orang yang menunaikan ibadah haji dan umrah. Kumpulan keempat mengatakan pembiayaan bagi aktiviti pendidikan di bawah asnaf *fisabilillah* [30].

#### 2.4 Pentafsiran Asnaf Fisabilillah di Malaysia

Dalam hal ini, pendapat ulama kontemporari seperti Dr Yusof al-Qardawi memberi pendapat yang relevan dan sesuai serta serasi dengan keperluan semasa terutama di Malaysia.

Bukan sahaja dalam kalangan ulama berbeza pendapat dalam memahami skop asnaf *fisabilillah* malah di Malaysia juga mempunyai tafsiran *fisabilillah* berbeza di kebanyakan negeri tetapi ada juga persamaan di beberapa negeri. Begitu juga dari segi sasaran agihan ada yang berbeza dan yang sama. Ia menunjukkan tiada penyelarasan dari segi tafsiran dan skop asnaf *fisabilillah* antara institusi zakat negeri di Malaysia. Konsep dan pelaksanaan sesuatu agihan itu terletak di bawah institusi zakat di negeri masing-masing [24,31,3].

Antaranya Majlis Agama Wilayah Persekutuan menjeruskan asnaf *fisabilillah* kepada individu atau organisasi yang terlibat pada aktiviti yang menegakkan, mempertahankan dan mendakwahkan serta kebajikan agama Islam. Pulau Pinang dan Pahang pula menjeruskan kepada perbuatan dan perkara kepada keperluan dan *masalah* untuk menegakkan syiar Islam [10]. Secara kesimpulannya, definisi asnaf *fisabilillah* dalam pentadbiran institusi zakat di Malaysia membawa kepada pengertian yang lebih luas dan tidak terhad kepada orang yang berjihad sahaja [31].

Perbezaan pendapat antara ulama dalam mentafsir asnaf *fisabilillah* berlaku disebabkan perubahan zaman dan tempat walaupun ia telah disyariatkan dengan *dalil qati'* dan *sarih* [15]. Maka dengan itu, berlaku perubahan dari segi untuk melaksanakan syariat. Manakala dari sudut tafsiran yang dibuat oleh institusi zakat ia berdasarkan peredaran sekarang dan syariat Islam tetapi tidak ada penyelarasan antara institusi zakat di Malaysia [8].

Pentafsiran dan pelaksanaan pengagihan asnaf *fisabilillah* di Malaysia dapat dilihat manfaatnya bukan hanya terhad pada individu sahaja malah juga terhadap sesuatu organisasi dan sesuatu perkara atau masalah yang melibatkan ramai orang dan bukan milik individu tertentu seperti membina sekolah, baik pulih masjid dan sebagainya.

Rumusnya, pentafsiran *fisabilillah* pada zaman sekarang merangkumi semua aspek kehidupan iaitu jihad dalam bidang agama, ekonomi, pendidikan, politik, budaya yang bertujuan untuk memelihara agama Islam. Di sini dapat dilihat, pusat zakat menumpukan kepada aktiviti-aktiviti pendidikan, dakwah, bentuk kemahiran dan sebagainya. Ia juga sesuai dengan keadaan masa sekarang kerana berjihad dalam bentuk peperangan di Malaysia sudah tiada seperti yang berlaku di zaman dahulu. Pentafsiran *fisabilillah* ini tentulah amat sesuai di zaman ini dan sesuai gunapakai di Malaysia kerana pentafsirannya merangkumi usaha-usaha meninggikan syiar Islam, membebaskan



bumi orang Islam daripada jajahan orang kafir serta mendaulatkan hukum dan ajaran Islam di Malaysia. Maka di sini, penilaian sesuatu hukum memerlukan dari semasa ke semasa agar hukum yang ditentukan selari dengan perkembangan hidup manusia. Walaubagaimanapun, penilaian semula atau perubahan hukum bukanlah bermakna menolak pandangan ulama-ulama dahulu bahkan ia merupakan satu kesimpulan hukum dengan menggunakan neraca dan timbangan yang sama. Selain itu, kemungkinan pandangan ulama-ulama dahulu hanya sesuai untuk zaman dan keadaan masa itu.

### 3. Metodologi

Penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif bagi kajian ini. Pendekatan ini kaedah pengumpulan data secara dokumentasi iaitu kajian perpustakaan bagi mendapat maklumat mengenai tafsiran asnaf *fisabilillah* dan pengagihannya. Kaedah pengumpulan data ini juga menggunakan dua jenis data iaitu sumber primer dan sukender. Sumber primer ialah data yang diambil dari sumber pertama atau asli. Penyelidik mendapatkan maklumat mengenai statistik pengagihan zakat dari kakitangan pegawai zakat. Sumber Sukender pula ialah bahan atau maklumat yang diambil dari terbitan yang telah dikumpul dari penyelidik yang lain seperti artikel, jurnal, tesis, website dan sebagainya yang berkaitan dengan asnaf *fisabilillah* dalam pembahagian zakat.

### 4. Hasil Dapatan dan Perbincangan Kajian

#### 4.1 Pengagihan Zakat kepada Asnaf di Malaysia

Pengurusan zakat di Malaysia adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Peranan institusi zakat bukan sahaja untuk mengumpul zakat tetapi juga untuk mengagihkan dana zakat kepada penerima zakat, yang dipanggil asnaf. Pegawai zakat yang ditugaskan oleh kerajaan dalam melakukan peranan ini. Zakat dikumpulkan dari pelbagai sumber seperti individu dan syarikat korporat, dan kemudian diagihkan kepada lapan kumpulan penerima (asnaf) seperti apa yang telah disebutkan oleh Allah dalam Al-Qurannya.

Dalam pengurusan zakat, agihan zakat yang sering menjadi pertikaian dan polemik di kalangan umat Islam terutamanya di kalangan pembayar zakat walaupun kutipan zakat meningkat setiap tahun bagi semua negeri di Malaysia. Ini terbukti dari hasil kajian Hairunnizam Wahid [10], Sanep Ahmad [32] yang menunjukkan responden dari negeri Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang yang ketara tidak berpuas hati dalam pengagihan zakat kepada asnaf.

Menurut kajian Hairunnizam Wahid [10] dan Sanep Ahmad [32], perkembangan institusi zakat negeri di Malaysia adalah memuaskan dalam aspek kutipan zakat. Malah dari sudut agihan zakat kurang memuaskan. Kecekapan institusi zakat dapat diukur melalui ketidakpuasan kedua-dua pihak terhadap perkhidmatan institusi zakat.

Kesukaran dalam kaedah pengagihan zakat kepada asnaf adalah menentukan asnaf yang berkelayakan dan tidak layak, masalah kemiskinan yang masih berlaku walaupun pengagihan zakat telah dilaksanakan, sesetengah institusi zakat yang mempunyai dana zakat yang kurang sementara ada yang mempunyai lebih, adalah antara isu yang telah menurunkan prestasi dan pencapaian institusi zakat itu sendiri.

Berdasarkan jadual 1, bukan sahaja kutipan zakat berlaku peningkatan malah pengagihan zakat juga meningkat setiap tahun. Hasil kajiannya juga menunjukkan negeri Selangor merupakan pengagihan zakat yang paling tinggi dan diikuti negeri Wilayah Persekutuan dan selepasnya diikuti oleh negeri Johor. Pada tahun 2007, agihan di Selangor merupakan agihan paling tinggi sebanyak RM174.52 juta dan diikuti Wilayah Persekutuan sebanyak RM 121.22 juta [32]. Begitu juga pada

tahun 2011 hingga tahun 2015 pada Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia yang menunjukkan negeri Selangor adalah negeri paling tinggi agihan zakat kepada asnaf dan diikuti Wilayah Persekutuan.

### Jadual 1

Statistik agihan zakat bagi tahun 2012 hingga 2016

Negeri	Tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016
	Jumlah agihan (RM)				
Johor	143 346 570	159 545 424	191 069 510	228 362 097	282 825 876
Kedah	92 415 153	105 877 077	110 840 195	144 955 284	144 831 478
Kelantan	100 850 645	134 420 474	151 230 993	196 744 773	TD
Melaka	49 040 837	54 015 566	57 200 588	TD	TD
Negeri Sembilan	61 462 602	76 833 689	97 785 893	96 935 984	97 677 002
Pahang	81 047 299	94 806 310	109 052 421	113 421 941	TD
Pulau Pinang	68 671 396	71 562 194	80 098 947	101 329 498	TD
Perak	82 683 568	101 641 793	130 316 694	164 264 513	142 808 962
Perlis	TD	99 128 897	104 453 705	123 570 316	TD
Selangor	401 717 682	463 472 826	595 114 122	676 251 478	697 494 013
Terengganu	84 518 495	67 405 128	79 195 981	122 041 037	TD
Sabah	36 654 371	48 481 454	64 959 240	72 904 222	64 957 773
Serawak	36 766 114	35 174 369	40 506 983	44 984 662	TD
Wilayah Persekutuan	271 967 597	328 394 455	419 225 908	608 724 857	TD

Nota : \*TD = Tiada data

#### Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia dan Portal Zakat Negeri

Manakala dari sudut agihan zakat kepada asnaf, asnaf *fisabilillah* yang paling tinggi di negeri Selangor, Johor, Melaka dan Perlis pada tahun 2007 berdasarkan kajian Hairunnizam Wahid [10]. Walaupun asnaf fakir dan miskin merupakan agihan paling tertinggi secara keseluruhan. tetapi dari sudut agihan bagi setiap negeri pula, asnaf *fisabilillah* merupakan asnaf yang paling tinggi berbanding asnaf yang lain di beberapa negeri seperti di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Melaka dan Perlis. Pada tahun 2011 dan 2012 di Wilayah Persekutuan juga asnaf *fisabilillah* merupakan agihan paling tinggi berbanding dengan asnaf yang lain dan diikuti asnaf miskin dan fakir. Pada tahun 2015, berdasarkan maklumat di Portal LZS yang menunjukkan asnaf *fisabilillah* asnaf kedua yang tertinggi selepas asnaf miskin.

Namun asnaf miskin dan fakir harus diutamakan dan diberi perhatian penting daripada asnaf yang lain oleh institusi zakat [10]. Begitu juga kajian Ahmad Shahir B Makhtar [29], terdapat sebahagiannya dari umat Islam memahami bahawa agihan zakat adalah untuk orang fakir dan miskin. Selain itu, ada yang berpendapat tidak harus diberi kepada asnaf *fisabilillah* kerana ia boleh



dibantu oleh kerajaan seperti pembinaan masjid, sekolah, elaun bagi pengajar dan sebagainya. Peningkatan agihan kepada asnaf *fisabilillah* berlaku di kebanyakan negeri. Ada sebahagian mengatakan agihan kepada asnaf *fisabilillah* perlu dikurangkan. Di samping itu juga, mengurangkan kadar kemiskinan di Selangor merupakan objektif agihan zakat di negeri Selangor. Asnaf fakir dan miskin adalah antara asnaf yang perlu diberi tumpuan dalam pengagihan zakat untuk mengurangkan kadar kemiskinan (24).

Terdapat beberapa *ulama fuqaha'* antaranya Dr Abdulah Nashih Ulwa yang menyatakan dana haruslah diberikan kepada golongan yang miskin dan fakir dan menegah golongan kaya daripada menerima zakat. Tegahan yang dimaksudkan oleh Dr Abdullah Nashih Ulwa ini adalah jika dana zakat itu diambil dari bahagian zakat miskin dan fakir dan diberikan kepada golongan yang kaya.

Berdasarkan perbincangan di atas, asnaf fakir dan miskin adalah asnaf yang pertama disebut di dalam al-Quran. Dengan itu, asnaf fakir dan miskin mestilah paling tinggi agihan berbanding asnaf *fisabilillah*. Sesuatu agihan mestilah dipertimbangkan dan dilaksanakan dengan teliti supaya konsep zakat yang ditetapkan oleh institusi zakat dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat dan dilihat sebagai kemaslahatan ummah yang dihidmakan oleh Allah SWT kepada umatnya.

Berdasarkan Fatwa Pengurusan Agihan Zakat, had al-kifayah digunakan atau terpakai terhadap asnaf fakir dan miskin sahaja. Had al-kifayah ialah suatu alat yang digunakan untuk mengukur kemiskinan dengan menbandingkan pendapat kasar dan perbelanjaan. Manakala, asnaf *fisabilillah* bagi skim pendidikan mengikut pendapatan ibubapa atau penjaga. Ini bertujuan untuk mengukur kelayakkan dalam penerimaan dana zakat. Sementara itu, had kifayah atau had pendapat ibubapa atau penjaga dapat mengelak dari mentafsirkan tahap kemiskinan dan kekayaan seseorang. Ini merupakan antara kesulitan yang dialami oleh pihak zakat dalam menentukan asnaf atau orang yang layak menerima zakat.

Institusi Zakat perlu memikirkan peningkatan serta meningkatkan peranan mereka terutama dari segi pengagihan zakat. Sekiranya terdapat keperluan untuk meningkatkan teknik atau kaedah tertentu dalam mengagihkan dana zakat di Malaysia, maka mereka perlu belajar dan cuba dilaksanakan. Melalui penyelesaian baru, ia perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam memperbaiki sistem pengagihan dana zakat semasa yang diaplikasikan di Malaysia.

Pengurusan zakat di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Ini membuktikan, pelaksanaan khusus pengagihan zakat kepada asnaf *fisabilillah* berbeza kebanyakan negeri dan menyebabkan kepelbagaian dalam jenis bantuan dan skim agihan zakat kepada asnaf *fisabilillah*. Begitu juga dari segi peruntukan dana kepada asnaf *fisabilillah* di setiap negeri. Selain itu, penelitian harus dilakukan secara berterusan terhadap skim dan bantuan asnaf *fisabilillah* kerana dana yang diperuntukan bagi asnaf ini adalah besar.

## 5. Kesimpulan

Hasil dari kajian ini menunjukkan, pengagihan zakat di Malaysia boleh diagihkan kepada mana-mana kumpulan atau organisasi bukan sahaja kepada individu serta juga dipersetujui beberapa ulama. Mereka ini juga dianggap memiliki keperluan zakat yang paling tinggi kerana kesan yang lebih luas bukan sahaja kepada individu malah kepada masyarakat Islam dan Negara.

Penentuan definasi bagi sesuatu asnaf amatlah penting dan perlu diperhalusi bagi memenuhi amanah serta sesuai dengan keadaan zaman. Ini kerana ia memberi impak yang besar pada agihan zakat itu. Interpretasi yang dibuat mestilah berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah kerana keduanya merupakan sumber hukum Islam. Dengan itu, pelaksanaan agihan itu akan selari dengan ajaran Islam.

Di dalam al-Quran surah At-Taubah ayat 60 telah menyatakan asnaf *fisabilillah* merupakan antara lapan asnaf yang layak dan golongan yang menjadi sasaran bagi penerimaan dana zakat. Secara umumnya asnaf *fisabilillah* ialah merupakan perbuatan yang mempertahankan agama dan mendekatkan diri kepada Allah. Asnaf ini merupakan antara asnaf yang penting dalam konteks penagihan zakat di masa sekarang.

Perlaksanaan pengutipan dan pengagihan zakat merupakan amanah yang diberikan kepada amil zakat bagi mengelola yang telah dilantik oleh pemerintah. Zakat ini juga adalah persoalan faridh sulthaiyah iaitu satu kewajipan dan pelaksanaan yang terkait dengan kekuasaan. Pengagihan zakat kepada asnaf memerlukan kepada beberapa garis panduan yang telah ditetapkan oleh amil berdasarkan nas syarak.

## Rujukan

- [1] Al-Quran
- [2] Dewan Bahasa dan Pustaka. (1994). Kamus dewan edisi ketiga
- [3] Buang, Ahmad Hidayat. "Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Bagi Tempoh 1985-1995: Satu Pemerhatian." *Jurnal Syariah* 7, no. 2 (1999).
- [4] Abdullah Nasih Ulwan. 2007. Ahkām al-Zakāh 'alā Daw' al-Madhāhib al-Arba'ah
- [5] Azman Ab Rahman, Syed Mohd Najib & Hairullfazli, S. Z. 2016. skim agihan zakat kepada asnaf fi sabilillah mengikut maqasid syariah : kajian di Selangor dan Wilayah Persekutuan (November), 162–171.
- [6] Azman Ab Rahman & Hasanah Abd Khafidz. 2015. Ensiklopedia asnaf dan skim agihan zakat di Malaysia. Buku.
- [7] Dato' Haji Nooh Bin Gadot. 2009. Konsep asnaf fisabilillah mengikut hukum syarak. Seminar pengagihan zakat di bawah asnaf fisabilillah, 1–20.
- [8] Hasanah Abd Khafidz. 2013. Fi Sabilillah sebagai medium Zakat produktif.
- [9] Khafidz, Hasanah Abd, and Irwan Mohd Subri. "AGIHAN ZAKAT IBN AL-SABĪL DALAM REALITI SEMASA." *Jurnal Syariah* 20, no. 1 (2012).
- [10] Hairullfazli Mohammad Som, Azman Ab Rahman, Syed Mohd Najib, S. O. & Siti Zulaikha Moktar. 2016. Skim agihan zakat kepada asnaf fi sabilillah mengikut maqasid syariah : kajian di Selangor dan Pulau Pinang. proceeding of the international conference, 36–46.
- [11] Wahid, Hairunnizam, Sanep Ahmad, and Radiah Abdul Kader. "Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia." *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4, no. 1 (2010): 141-170.
- [12] Haji Mazanan Bin Haji Yusof. 2014. Pentafsiran asnaf zakat dan aplikasinya di negara Brunei Darussalam. Tesis, Dr. F. Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [13] Harnovinsah. Metodologi penelitian.
- [14] Kamaruddin Abdullah. 2009. Model pengurusan zakat : kajian perbandingan di Nannroe Aceh Darussalam dan Selangor. Tesis
- [15] Kautsar, Kautsar. "ANALISIS HUKUM ISLAM TERHADAP PENGGUNAAN DANA ZAKAT FISABILILLAH DALAM BIDANG PENDIDIKAN DI TABUNG BAITULMAL SARAWAK." PhD diss., UIN Sunan Ampel Surabaya, 2014.
- [16] Baga, Lukman Mohammad. "Fiqih Zakat, Sari Penting Kitab Dr. Yusuf Al-Qaradhawy." (1997).
- [17] Mohamad Nafis Bin Berhan. 2010. pengurusan zakat : kutipan dan agihan di Negeri Sembilan. Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [18] Mohd Rusydi Ramli & Luqman Abdullah. 2016. Agihan zakat terus kepada analisis fiqh dan kedudukannya di Malaysia.
- [19] Mohd Sulaiman Zahlan, Zainal Fikri Zamzuri, Mohd Fauzi Md Isa & Wahairi Mahmud. 2010. Asnaf fi sabilillah : satu pengamatan agihan dana zakat di Malaysia.
- [20] Ghani, Ab, and Mohd Zulkifli. "Pengagihan zakat mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994: kajian terhadap Asnaf fi sabilillah/Mohd. Zulkifli Ab. Ghani." PhD diss., Universiti of Malaya, 2003
- [21] Paizin, Muhsin Nor. "PERLAKSANAAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN: SATU PEMERHATIAN TERHADAP OPERASI KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT (Zakat Implementation in Federal Territory: An Observation on Zakat Collection & Distribution Operations)." *Jurnal Hadhari: An International Journal* 6, no. 2 (2014): 97-111.
- [22] Muhammad Ikhlas, Rosele. "Isu pembayaran zakat Institusi Kewangan Islam di Malaysia/Muhammad Ikhlas Bin Rosele." PhD diss., University of Malaya, 2016.
- [23] Nazira Binti Alis. 2013. Penguatkuasaan perundangan zakat di selangor dan negeri sembilan. Tesis, Sarjana, Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- [24] Mansor, Nuruul Hidayah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Kampus Kuala Pilah, S. Salahudin Hj Suyurno, Alor Gajah, Norajila Che Man, and Kampus Jasin. "PEMERKASAAN AGIHAN ZAKAT SEBAGAI MEDIUM PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM."
- [25] Tahir, Hailani Muji. "Pentafsiran dan Perlaksanaan Agihan Zakat Fisabilillah Mengikut Keperluan Semasa Di Malaysia." In *Kertas Kerja Seminar Pengagihan Zakat Di Bawah Asnaf Fisabilillah*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. 2009.
- [26] Rahim, Rahimin Affandi Abd, Shamsiah Mohamad, Paizah Ismail, and Nor Hayati Mohd Dahlal. "KONSEP FIQAH MALAYSIA DALAM PERUNDANGAN ISLAM: SATU PENGENALAN." *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies* 28, no. 2 (2010).
- [27] Sukiati. 2008. Pengalihan zakat fisabilillah untuk kepentingan umum menurut Yusuf al-Qardawi
- [28] Sukiati, Sukiati. "Pengalihan Zakat Fi Sabilillah untuk Kepentingan Umum Menurut Yusuf Al-Qardhawi (Sebuah Penelitian Sosiologis)." *Fitrah: Jurnal-jurnal Keislaman* 1, no. 2 (2015): 367-380.
- [29] Ahmad Shahir, M., and A. W. Adibah. "Pengurusan zakat di Negeri Selangor: Isu dan cabaran." *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam, UKM, Julai* (2010).
- [30] Yusuf al-Qardawi. 2001. Fiqh al-zakat dirosat muqaronah liahkamuha wafalsafa fi al-Quran wa Sunnah.
- [31] Rushidah, Md Rosdi. "Pencapaian akademik penerima biasiswa insentif khas pelajar cemerlang di IPTA Malaysia: Kajian di baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Rushidah Md Rosdi." PhD diss., Universiti Malaya, 2014.
- [32] Ahmad, Sanep. "Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat." *Prosiding PERKEM IV. Kuantan Pahang* (2009).